

Tarikh dibaca: 30 Julai 2021M | 20 Zulhijjah 1442H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“BELAJARLAH DARIPADA MUSIBAH”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“BELAJARLAH DARIPADA MUSIBAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: فَذَكِّرْ إِنْ نَفَعَتِ الذِّكْرَى ﴿٩﴾ سَيِّدَ كَرْمٍ مَنْ يَخْشَى ﴿١٠﴾¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian. Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya seseorang hamba Allah yang benar-benar bertakwa akan meletakkan sepenuh pergantungan dan harapannya kepada Allah SWT. Dia-lah sebaik-baik tempat bergantung dan meletakkan harapan.

Khutbah hari ini bertajuk “BELAJARLAH DARIPADA MUSIBAH”.

¹ Al-A’la : 9-10.

² Ali Imran : 102.



Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

Kita sering dihadapkan dengan beberapa dugaan dan cubaan kehidupan. Bermula dengan fenomena cuaca banjir pada tahun-tahun yang lepas, diikuti dengan penularan wabak Covid-19 yang semakin meningkat dari sehari ke sehari seolah-olah virus tersebut tidak mahu berhenti menyerang umat manusia.

Sebenarnya kesemua ini adalah kejadian yang menuntut kita agar berfikir dan merenung tentang hakikat kekuasaan Allah dalam mengatur kehidupan di dunia ini. Maka inilah perbezaan antara sekolah dan kehidupan sebagaimana kata pujangga, sekolah adalah tempat belajar dan diberikan ujian tetapi kehidupan ini diberikan ujian supaya kita belajar.

Hadirin Sidang Jumaat sekalian,

Ujian menjalani kehidupan memang sangat mencabar. Kadang-kadang kita diuji dengan kesenangan dan nikmat. Kadang-kadang pula kita diuji dengan kesusahan dan musibah. Namun, di sebalik musibah dan kesusahan itu, Allah menyediakan sesuatu kebaikan yang mungkin belum kita ketahui.

Segala musibah yang ditimpakan oleh Allah kepada manusia sudah pasti mengandungi beberapa hikmah. Ada musibah yang ditimpakan kerana dosa dan kesalahan sebagai hukuman Allah ke atas hamba yang ingkar kepada perintah-Nya. Ada pula musibah yang ditimpakan sebagai peringatan. Mudah-mudahan dengan peringatan itu, manusia akan kembali mengingati dan mendekatkan diri kepada Allah, mematuhi perintah-Nya, menegakkan agama-Nya dan meletakkan pergantungan dan harapan hanya kepada Allah serta menginsafi betapa besarnya kekuasaan Allah yang Maha Agung.



Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 255:

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا
شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ



“Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya ilmu Allah dan kekuasaan-Nya meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. dan Dia lah yang Maha Tinggi (darjat kemuliaan-Nya), lagi Maha Besar (kekuasaan-Nya).”

Ayat ini mengingatkan kepada kita betapa terbatasnya ilmu dan pengetahuan kita. Betapa lemahnya manusia walaupun disertai dengan pelbagai teknologi moden, canggih dan terkini.

Ingatlah, walau sehebat manapun teknologi dan peralatan serta kepakaran manusia, ia tidak akan melepasi batasan ilmu yang diberikan Allah kepada mereka. Bahkan Allah mengingatkan bahawa ada dalam kalangan umat terdahulu yang lebih hebat seperti Kaum Ad, Thamud, Firaun dan lain-lain namun Allah berkuasa menghancurkan mereka disebabkan keinginan dan kefasadan yang mereka lakukan di muka bumi Allah ini.

Firman Allah SWT dalam surah al-Rum, ayat 9:



أَوْ لَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ
كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثَارُوا الْأَرْضَ وَعَمَرُوهَا أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا

“Tidakkah mereka telah berjalan dan mengembara di muka bumi, serta memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu dari mereka? orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri, dan orang-orang itu telah meneroka bumi serta memakmurkannya lebih daripada kemakmuran yang dilakukan oleh mereka...”

Muslimin sekalian,

Dalam usaha dan harapan untuk merungkaikan kekusutan dan segala musibah yang menimpa kita, maka berazamlah untuk meninggalkan segala perbuatan mungkar dan laknat yang diharamkan oleh Allah SWT sama ada dilakukan secara terang-terangan ataupun sembunyi-sembunyi sebagai contoh melalui rakaman video percakapan-percakapan dan penulisan yang dusta, mengandungi penghinaan, cacian, fitnah, pengkhianatan terhadap agama, menjatuhkan maruah dan kredibiliti seseorang dan sebagainya. Sedangkan maruah seseorang itu perlu dipelihara tanpa mengira bangsa, keturunan, agama dan taraf hidup.

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Marilah kita memperbanyakkan istighfar dan taubat memohon keampunan kepada Allah atas kesalahan dan dosa yang telah kita lakukan. Marilah sama-sama kita memanjatkan doa dan pengharapan serta meletakkan pergantungan sepenuhnya kepada Allah, marilah kita bertekad dan berazam untuk menjadi hamba yang sentiasa ingat dan tunduk kepada perintah Allah serta sentiasa mengikut ketetapan fitrah Allah SWT.



Berbahagiaalah dan beruntunglah orang-orang yang disukai oleh Allah SWT kerana taubat yang dilakukannya.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَلَّهِ أَشَدُّ فَرَحًا بِتَوْبَةِ عَبْدِهِ حِينَ يَتُوبُ إِلَيْهِ، مِنْ أَحَدِكُمْ
كَانَ عَلَى رَاحِلَتِهِ بِأَرْضٍ فَلَاةٍ، فَاَنْفَلَتْ مِنْهُ وَعَلَيْهَا طَعَامُهُ
وَشْرَابُهُ، فَأَيْسَ مِنْهَا، فَأَتَى شَجْرَةً، فَاضْطَجَعَ فِي ظِلِّهَا، وَقَدْ
أَيْسَ مِنْ رَاحِلَتِهِ، فَبَيْنَمَا هُوَ كَذَلِكَ إِذَا هُوَ بِهَا قَائِمَةً عِنْدَهُ،
فَأَخَذَ بِخِطَامِهَا، ثُمَّ قَالَ مِنْ شِدَّةِ الْفَرَحِ: اللَّهُمَّ أَنْتَ عَبْدِي
وَأَنَا رَبُّكَ، أَخْطَأَ مِنْ شِدَّةِ الْفَرَحِ

“Sesungguhnya Allah sangat gembira dengan taubat hamba-Nya ketika ia bertaubat pada-Nya melebihi kegembiraan seseorang di antara kalian yang berada di atas kenderaannya dan berada di suatu tanah yang luas (padang pasir), kemudian haiwan yang ditunggangnya lari meninggalkannya. Padahal di haiwan tunggangannya itu ada bekalan makan dan minumannya. Sehingga dia pun menjadi putus asa. Kemudian dia menghampiri sebuah pohon dan tidur berbaring di bawah naungannya dalam keadaan hati yang telah berputus asa. Tiba-tiba ketika dia dalam keadaan seperti itu, kenderaannya kelihatan berdiri di sisinya, lalu ia mengambil talinya. Kerana sangat gembira, maka ia berkata, ‘Ya Allah, Engkau adalah hamba-ku dan aku adalah Tuhan-Mu.’ Ia telah salah mengucapkan kerana sangat gembiranya



(Riwayat Muslim).

Para tetamu Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita sama-sama mengambil pengajaran dan penghayatannya untuk dijadikan pedoman dalam hidup ini, antaranya:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap tindakan dan perbuatan akan dibalas dengan adil oleh Allah SWT di akhirat.
2. Umat Islam diingatkan agar jangan mencabar kekuasaan Allah yang boleh mengundang musibah dengan melakukan pelbagai maksiat dan kemungkaran.
3. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa setiap musibah itu adalah datang sebagai ujian dalam hidup ini yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ
الْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): 'Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal'."

(Surah al-Taubah : 51).



بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi SOP dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid-19 demi keselamatan diri serta masyarakat.



Dalam kita berhadapan dengan wabak ini, janganlah kita mengambil jalan mudah dengan memudar dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.

Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ
وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِينِ



عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
المُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَغْكُو اَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمَوْظُفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meniggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan



Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.
رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.